



JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA
DEPARTMENT OF NATIONAL SOLID WASTE MANAGEMENT
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
MINISTRY OF URBAN WELLBEING, HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT
ARAS 23 & 24
NO. 51, PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8000 8000
Faks (Pentadbiran) : 03-8891 3190
Laman Web : <http://jpspn.kpkt.gov.my>

Ruj. kami : KPKT/JPSPN/600/1/25 Klt. 3 (9)

Tarikh : 25 Januari 2019

Pengerusi Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park,
No.1, Jalan Pengaturcara U1/51A,
Seksyen U1, 40150 Shah Alam
Selangor

Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN DAN KERJASAMA XUSED WORLDWIDE SOLUTIONS SDN. BHD. DENGAN KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN UNTUK MENJALANKAN “PROGRAM XUSED – EARN & RECYCLE”

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat daripada XUsed Worldwide Solutions bertarikh 16 Januari 2019 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bersetuju dengan cadangan pihak XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. untuk mengadakan kerjasama dengan Kementerian ini bagi melaksanakan “Program XUsed – Earn & Recycle” dengan ketetapan seperti berikut:

- (i) XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. bekerjasama dengan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan SWCorp melalui perkongsian pandangan, maklum balas serta mendapatkan khidmat nasihat dalam memperkukuhkan program



3R selaras dengan Teras 1 Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara iaitu mengurangkan penjanaaan sumber dan mengoptimumkan sumber. Selain itu juga, pihak XUsed perlu mengemukakan laporan penganjuran program yang telah dilaksanakan termasuklah data-data kutipan sisa kitar semula;

- (ii) program “XUsed : Earn & Recycle” dapat memberi fokus ke negeri-negeri yang tidak menerimapakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu negeri Selangor, Perak, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak sebagai satu langkah dalam memperkukuhkan budaya amalan 3R di kalangan masyarakat;
- (iii) XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd. diberi kebenaran untuk menggunakan logo Kementerian untuk diletakkan dalam *backdrop*, bunting dan poster bagi “Program XUsed Earn & Recycle”;
- (iv) setiap program yang ingin dilaksanakan perlu melalui dan mendapat persetujuan Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan juga Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkaitan; dan
- (v) sekiranya kutipan sisa dilaksanakan di negeri-negeri yang berkuatkuasa di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Kedah, Perlis, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Wilayah Persekutuan termasuk Kuala Lumpur dan Putrajaya, pihak XUsed perlu membuat permohonan lesen pengusahaan atau penyediaan

perkhidmatan pemungutan dengan Jabatan Pengurusan Sisa
Pengurusan Sisa Pepejal.

3. Pihak Jabatan berharap semoga “Program XUsed Earn & Recycle” ini mampu memberikan impak yang positif dan manfaat kepada golongan sasaran terutamanya dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan melaksanakan amalan 3R (*Reduce, Reuse and Recycle*) dalam mewujudkan persekitaran yang lestari.
4. Perhatian awal dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ISMAIL BIN MOKHTAR)

Ketua Pengarah

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k.:

KSU KPKT

YBrs. Dr. Mohd Pauze bin Mohamad Taha

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Teknikal)

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Blok J, MKN Embassy Techzone, Jalan Teknokrat 2,

63000 Cyberjaya, Selangor